

2

Pengurusan Ekonomi Malaysia Dalam Tahun 1996

Tinjauan Keseluruhan

Semasa Belanjawan 1996 dirangka pada bulan Oktober 1995, ianya merupakan tahun kedelapan berturut-turut ekonomi negara mengalami pertumbuhan yang terus kukuh. Pertumbuhan pesat yang berpanjangan ini telah berjaya meningkatkan tahap pendapatan dan taraf hidup semua rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, pertumbuhan mantap ini juga telah diiringi oleh peningkatan tekanan ke atas paras harga, yang berpunca daripada kekangan penawaran dan lebih permintaan, pasaran buruh yang lebih ketat disebabkan ekonomi mencapai tahap gunatenaga penuh, serta defisit akaun semasa imbalan pembayaran yang kian membesar. Oleh itu, cabaran utama dalam pengurusan ekonomi makro ialah bagi menjamin pertumbuhan mampan diiringi dengan paras harga yang lebih stabil dan kedudukan imbalan pembayaran yang lebih kukuh khususnya dalam jangka sederhana dan panjang. Justeru itu, teras Belanjawan 1996 telah memberikan fokus ke arah pencapaian objektif mengekalkan pertumbuhan mampan pada kadar inflasi rendah dan meningkatkan keupayaan sektor perkhidmatan dengan tujuan mengukuhkan kedudukan imbalan pembayaran dan menjadikan sektor perkhidmatan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Belanjawan 1996 juga menekankan peningkatan pembangunan sumber manusia dan keupayaan teknologi bagi menangani masalah berkaitan dengan kekurangan tenaga buruh dan kemahiran serta menegenahkan Malaysia dalam pembangunan teknologi. Pada masa yang sama, Belanjawan 1996 juga memberi penekanan ke atas agenda sosial negara bagi menangani masalah-masalah berkaitan dengan pembangunan sosial.

Fokus utama dalam melaksanakan penyesuaian dasar dan inisiatif terus diberikan kepada

kedudukan imbalan pembayaran negara yang telah mengalami peningkatan defisit akaun semasa mulai tahun 1992. Peningkatan defisit ini berpunca daripada lebih akaun dagangan yang berkurangan sedangkan pada masa yang sama defisit akaun perkhidmatan meningkat. Pengurangan lebih akaun dagangan disebabkan oleh jumlah import yang meningkat pesat, khususnya barangan modal berikutan dengan pengembangan pesat kapasiti pengeluaran yang sedia ada dan pelaburan baru, serta peningkatan import barangan perantaraan yang berpunca daripada kandungan import tinggi bagi kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negeri. Import barangan perantaraan merangkumi 58% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala import barangan modal merupakan 41% daripada jumlah pembentukan modal kasar negara pada tahun 1995. Import barangan tersebut, sungguhpun bagi tujuan yang produktif, adalah terus tinggi hingga merangkumi sebanyak 88% dari jumlah import sebenar negara. Selain akaun dagangan, dasar ekonomi makro juga memberikan fokus kepada menangani defisit akaun perkhidmatan yang terus meningkat kerana masalah ini mencerminkan kelemahan struktur sektor perkhidmatan negara. Sektor perkhidmatan masih tidak cukup berkeupayaan dalam memenuhi keperluan ekonomi negara yang berkembang dan juga menggantikan perkhidmatan yang diimport serta bertanding di pasaran perkhidmatan antarabangsa. Sungguhpun pertumbuhan sektor ini telah meningkat dengan mantap, sumbangannya kepada pertumbuhan pengeluaran hampir tidak berubah dan sumbangan bersih kepada imbalan pembayaran negara terus menerus negatif. Selaras dengan ini, kedudukan imbalan pembayaran negara terus diawasi dan langkah-langkah wajar diambil bagi mengukuhkan imbalan pembayaran. Secara keseluruhannya, langkah-langkah tersebut memberikan penekanan ke atas strategi pelaburan bagi menggalakkan lagi eksport dan mengurangkan import,

mempertingkatkan rantai antara industri dan keseluruhan nilai rantai proses pengeluaran, serta memperkukuhkan sumbangan sektor perkhidmatan kepada pertumbuhan pengeluaran negara dan pendapatan bersih luar negeri.

Peningkatan defisit akaun semasa imbalan pembayaran juga mencerminkan jurang tabungan-pelaburan negara yang kian membesar. Pada masa lalu, tabungan negara berserta dengan aliran masuk pelaburan asing langsung adalah lebih daripada mencukupi bagi membiayai jumlah pelaburan, termasuk pelaburan asing dan pelaburan rakyat Malaysia di luar negeri, terutamanya sepanjang sepuluh tahun yang lalu. Namun demikian, pada tahun 1991 dan mulai tahun 1994, pelaburan kasar, termasuk pelaburan rakyat Malaysia di luar negeri, telah melebihi jumlah tabungan negara dan aliran masuk modal asing langsung. Akibatnya, akaun asas imbalan pembayaran mencatatkan defisit yang terpaksa dibiayai melalui pengurangan rizab luar negeri. Walau pun mengikut pengukuran antarabangsa, Malaysia mempunyai kadar tabungan yang tinggi, iaitu sebanyak 36.5% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada tahun 1995, peningkatan jurang sumber memerlukan pelaksanaan usaha yang bersungguh-sungguh untuk menggalak dan sekaligus mengembleng tabungan. Ini bertujuan bagi menjamin negara tidak bergantung kepada sumber luar negeri bagi membiayai pelaburan tempatan. Peningkatan pembiayaan dari luar negeri akan mendatangkan kesan buruk terhadap keseimbangan pembayaran luar negara dalam bentuk bayaran pendapatan pelaburan dan beban bayaran khidmat hutang yang lebih tinggi.

Langkah-langkah dasar yang bertujuan untuk membendung tekanan paras harga diberi keutamaan dalam agenda ekonomi makro. Sungguhpun kadar inflasi berjaya dibendung di bawah paras 4% pada tahun 1996, kebimbangan mengenai potensi tekanan paras harga masih wujud. Ini memandangkan pertumbuhan permintaan negara yang pesat yang didorong oleh lebihan mudahtunai, peningkatan ketara pendapatan dan pertumbuhan kredit; kekangan penawaran, khususnya tenaga buruh dan makanan; dan ketidakcekapan pasaran terutamanya dalam oleh sistem pengagihan. Pelbagai dasar dan langkah telah diambil bagi mengatasi peningkatan tekanan permintaan terhadap ekonomi. Dasar kewangan diperketatkan lagi bagi menyerap lebihan mudahtunai dan menghindar pemberian kredit yang

berlebihan bagi pembelian aset dan untuk tujuan penggunaan, manakala dasar belanjawan yang berhemat dan bersepadu terus dikekalkan. Di samping itu, langkah-langkah bagi mengawal inflasi aset yang berpunca daripada kegiatan spekulasi dan menghindar pemilikan asing ke atas hartanah dilaksanakan, manakala duti import khususnya ke atas barang-barang perlu telah dikurang atau dimansuhkan. Pada masa yang sama, langkah-langkah pentadbiran ke arah meningkatkan kecekapan dalam rangkaian pengagihan dan mengawal amalan perniagaan yang tidak beretika diteruskan.

Kekurangan tenaga buruh, terutamanya pekerja-pekerja mahir, terus merupakan isu pembangunan negara yang perlu ditangani. Kebimbangan mengenai pasaran buruh yang ketat ialah dari segi peningkatan tekanan terhadap paras upah yang menyebabkan kenaikan kos buruh seunit keluaran dan sekaligus menjejaskan tahap daya saing keluaran Malaysia di peringkat antarabangsa, sekiranya kadar peningkatan produktiviti tidak setanding dengan peningkatan upah. Buruh asing di negara ini adalah besar bilangannya. Justeru itu, industri-industri di Malaysia tidak boleh terus bergantung kepada proses pengeluaran berintensif-buruh dan teknik pengeluaran yang tidak cekap. Sebaliknya, pihak industri hendaklah beralih kepada proses pengeluaran yang lebih cekap berasaskan teknologi tinggi dan dengan itu dapat mengurangkan penggunaan tenaga buruh. Pada masa yang sama, mereka juga perlu meningkatkan nilai rantai dalam keseluruhan proses pengeluaran, daripada pengilangan kepada kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan (P&P), reka bentuk, pengagihan dan pemasaran. Bagi mempercepatkan peralihan ini, pekerja hendaklah dilatih supaya mempunyai kemampuan teknikal bagi menyesuaikan dan mengguna serta merekacipta proses-proses pengeluaran dan teknologi baru. Dalam hal ini, langkah-langkah ke arah pembangunan sumber manusia telah diperhebatkan dalam Belanjawan 1996 dengan memberi penekanan kepada pendidikan teknikal dan latihan, serta pembangunan keupayaan P&P, di samping memperluaskan asas sains dan teknologi negara, termasuk teknologi maklumat. Pengambilan pekerja asing yang tidak mahir tidak digalakkan melalui pengenaan levi yang lebih tinggi selaras dengan usaha menggalakkan industri beralih kepada proses pengeluaran berintensif-modal dan yang dapat meningkatkan tahap produktiviti.

Pada asasnya, teras pengurusan ekonomi 1996 adalah untuk memupuk pertumbuhan ekonomi mampan dengan kadar inflasi yang rendah di samping memperbaiki kedudukan sumber negara dengan mengukuhkan struktur ekonomi, terutamanya kemampuan sektor perkhidmatan untuk mengeksport perkhidmatan dan menggantikan perkhidmatan yang diimport serta menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi. Dalam tahun 1996, aspek pembangunan sosial terus menjadi fokus utama dasar Kerajaan dengan tujuan untuk menjamin pertumbuhan ekonomi disertai dengan kemajuan dan keadilan sosial yang lebih besar.

Mengekal Tahap Pertumbuhan Mampan Dengan Inflasi Rendah

Cabaran utama pengurusan ekonomi dalam tahun 1996 ialah untuk merangsang ekonomi Malaysia ke arah pertumbuhan yang lebih mampan, khususnya dalam jangka sederhana dan panjang, dan untuk menjamin kestabilan harga dalam negeri serta memperkukuhkan lagi kedudukan akaun luar negara. Untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, dasar Kerajaan memberi fokus ke atas aspek pertumbuhan yang berasaskan produktiviti dan kualiti selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Pada masa lalu, perkembangan ekonomi negara didorong terutamanya oleh peningkatan pelaburan yang ketara sebagaimana yang dicerminkan dalam peratusan pelaburan kepada KNK sebanyak 45.5% pada tahun 1995. Selain itu, pelaburan dan pengeluaran negara mempunyai kandungan import yang tinggi yang mengakibatkan kesan negatif terhadap akaun dagangan. Dalam keadaan ini, strategi pelaburan negara telah berubah ke arah menggalakkan industri berintensif-modal dan teknologi, mengurangkan kandungan import pelaburan serta memperkukuhkan rantaian antara industri.

Memperkukuhkan Kedudukan Imbangan Pembayaran

Satu tugas utama pengurusan ekonomi Malaysia pada tahun 1996 ialah memperkukuhkan kedudukan imbalan pembayaran, berikutan dengan peningkatan ketara defisit akaun semasa semenjak 1992. Kemerosotan ini disebabkan oleh

pertumbuhan pesat import barangan modal dan perantaraan, yang didorong oleh pertumbuhan pengeluaran perkilangan dan pelaburan yang kukuh, dan juga defisit akaun perkhidmatan imbalan pembayaran yang berterusan. Untuk mengukuhkan kedudukan imbalan pembayaran, langkah-langkah telah diambil bagi mengurangkan kepesatan pertumbuhan import dan mengukuhkan keupayaan sektor perkhidmatan untuk mengeksport perkhidmatan dan menggantikan perkhidmatan yang diimport. Dalam hal ini, pertumbuhan pelaburan sektor awam, dari segi nominal, telah dikurangkan kepada 2.4% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh daripada 17% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, dengan tujuan mengurangkan import barangan modal berikutan daripada pembentukan modal yang pesat. Kebanyakan projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh adalah projek-projek yang sedang dalam peringkat pelaksanaan. Bagi mengurangkan kesan pelaksanaan projek-projek raksasa ke atas imbalan pembayaran, Kerajaan akan terus memastikan bahawa komponen-komponen yang digunakan dalam projek-projek berkenaan diperolehi atau dikeluarkan oleh pekilang tempatan. Sebagai contoh, aerobridge dan kelengkapan pengendalian bagasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sedang di buat dalam negeri. Sebagai usaha tambahan untuk mengurangkan pengimportan barangan modal berkaitan dengan pembinaan, seperti jentolak, penyodok, penghentak cerucuk dan kren menara, kegiatan pembaikan dan pengubahsuaian peralatan berat dan kelengkapan telah disenaraikan sebagai salah satu aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1986 dalam Belanjawan 1996. Syarikat yang menjalankan aktiviti tersebut layak menerima Taraf Perintis atau Kredit Cukai Pelaburan. Insentif kewangan ini ialah untuk menggalakkan perkembangan industri peralatan dan kejuruteraan tempatan, terutamanya kegiatan pembaikan dan pengubahsuaian peralatan-peralatan dan jentera lama yang tidak digunakan.

Tahap rantaian antara industri yang rendah juga merupakan punca utama peningkatan import barangan perantaraan dan modal berikutan dengan peningkatan pengeluaran perkilangan dan pelaburan yang pesat. Pada tahun 1995, nisbah nilai import barangan perantaraan kepada nilai semasa KDNK ialah 58%, yang menunjukkan tahap pergantungan yang tinggi aktiviti ekonomi tempatan terhadap barangan perantaraan yang diimport. Bagi

mengurangkan import barangan perantaraan, pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) sedang digiatkan bagi membolehkan mereka menjadi pembekal berwibawa dan cekap dari segi kos dalam pengeluaran peralatan dan komponen serta perkhidmatan yang berkaitan untuk dibekalkan kepada industri yang lebih besar, termasuk syarikat-syarikat antarabangsa. Dalam perkara ini, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana telah ditubuhkan pada bulan Mei 1996 dan satu Program Rantaian Antara Industri telah dirangka bagi menggalakkan lagi integrasi dan rantaian antara IKS dan industri yang besar, termasuk syarikat-syarikat antarabangsa. Bilangan IKS yang terlibat dalam Program Pembangunan Vendor yang bertujuan untuk mempertingkatkan rantaian antara industri telah meningkat kepada 90 pada bulan Julai 1996. Untuk menggalakkan pertumbuhan IKS, sejumlah 9 Taman Perindustrian bernilai RM55 juta sedang dibina, dan kebanyakan daripadanya hampir siap. Pinjaman mudah bagi tujuan permodenan kilang, automasi, peningkatan kualiti dan juga pembiayaan projek telah disediakan. Bagi memudahkan IKS mendapat pembiayaan bagi tujuan meninggikan keluaran dan kualiti serta menembusi pasaran eksport, Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian terus menyalurkan bantuan dalam bentuk pemberian geran melalui Skim Perkhidmatan Perunding, Skim Rekacipta dan Pembangunan Produk, Skim Peningkatan Produktiviti dan Kualiti, serta Skim Pengembangan Pasaran. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1996, sebanyak RM3.6 juta telah diluluskan, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM30.2 juta semenjak tahun 1990.

Sektor perkhidmatan terus menjejaskan kedudukan akaun perkhidmatan imbalan pembayaran. Walaupun Malaysia mempunyai asas pengeluaran yang berorientasikan perdagangan yang kukuh, sektor perkhidmatannya tidak mempunyai keupayaan yang cukup untuk mengeksport perkhidmatan serta menggantikan perkhidmatan yang diimport. Ini mencerminkan sektor perkhidmatan negara yang kurang dinamik. Peratusan sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK sebenar terus kekal dalam lingkungan 40% semenjak 15 tahun yang lalu dan kadar pertumbuhannya pula hampir sama dengan pertumbuhan keseluruhan KDNK. Ini menunjukkan bahawa pertumbuhan sektor perkhidmatan adalah terlalu bergantung kepada sektor-sektor ekonomi utama dan sekunder. Ketidakcukupan keupayaan

sektor ini berserta dengan peningkatan bayaran bersih ke atas pendapatan pelaburan berikutan pertumbuhan pesat pelaburan asing telah menyebabkan negara mengalami defisit akaun perkhidmatan yang berterusan, iaitu meningkat sebanyak dua kali ganda, daripada RM9.7 bilion pada tahun 1990 kepada RM19.4 bilion dalam tahun 1996. Memandangkan potensi sektor perkhidmatan sebagai pendorong tambahan kepada pertumbuhan ekonomi dan sumber perolehan pertukaran asing, langkah-langkah terus diambil bagi memperkukuhkan lagi keupayaan sektor perkhidmatan ini sebagai pemangkin pertumbuhan serta satu sumber pertumbuhan eksport yang dapat bersaing bukan sahaja dalam pasaran tempatan, malah di pasaran antarabangsa. Ini bukan hanya dapat memperkukuhkan lagi kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran, malah menjadikan sektor ini lebih bersedia untuk bersaing di peringkat antarabangsa apabila sektor perkhidmatan diliberalisasikan sejajar dengan komitmen negara di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Dalam Perkhidmatan.

Satu daripada langkah-langkah yang diperkenalkan bagi menggalakkan sektor perkhidmatan ialah dengan menyediakan insentif-insentif cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan, 1967 bagi projek-projek perkhidmatan yang diluluskan dalam sektor-kecil komunikasi, kemudahan awam dan pengangkutan. Insentif-insentif tersebut ialah:

- (i) pengecualian cukai pendapatan antara 70% hingga 100% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh antara lima hingga sepuluh tahun;
- (ii) elaun pelaburan antara 60% hingga 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak bagi tempoh selama lima tahun. Elaun ini dibenarkan sebagai pemotongan antara 70% hingga 100% daripada pendapatan berkanun; dan
- (iii) elaun bangunan perindustrian bagi pembinaan bangunan-bangunan di bawah projek-projek yang diluluskan.

Penyumbang utama kepada peningkatan defisit akaun perkhidmatan ialah bayaran bersih ke atas tambang dan insurans yang telah meningkat daripada RM3.8 bilion pada tahun 1990 kepada RM9.0 bilion dalam tahun 1995. Peningkatan ini menggambarkan perkembangan pesat

perdagangan luar negeri dan kapasiti industri perkapalan dan perkhidmatan insuran negara yang terhad, jika dibandingkan dengan kedudukan Malaysia sebagai negara pengimport ke 17 terbesar dan negara pengeksport ke 19 terbesar di dunia. Pelbagai langkah termasuk cukai dan insentif-insentif kewangan telah disediakan bagi meningkatkan lagi industri perkapalan Malaysia, membaiki perkhidmatan perkapalan dan pelabuhan serta mengembangkan perkhidmatan insuran-semula kargo. Justeru itu, kapasiti perkapalan Malaysia telah berkembang daripada 2.7 juta dwt pada tahun 1994 kepada 3.9 juta dwt pada tahun 1995. Perkembangan ini adalah berikutan pembelian kapal-kapal baru, terutamanya oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan Global Maritime Ventures Berhad yang baru ditubuhkan. Dana Perkapalan yang ditubuhkan oleh Kerajaan telah membantu membiayai pembelian 34 buah kapal dengan jumlah pinjaman yang diluluskan bernilai RM398 juta pada akhir bulan Julai 1996. Bagi meningkatkan lagi penggunaan kapal-kapal Malaysia, Kerajaan telah memperkenalkan syarat-syarat ketat ke atas Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) supaya mengimport secara f.o.b. dan mengeksport secara c.i.f. Bagi menggalakkan lagi penggunaan Pelabuhan Kelang sebagai pusat penghantaran, Pelabuhan Barat telah dijadikan zon perdagangan bebas pada tahun 1996. Ini adalah tambahan kepada Pelabuhan Utara yang telah diisytiharkan sebagai zon perdagangan bebas semenjak bulan April 1993. Sebagai satu langkah tambahan bagi meningkatkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan, levi ke atas kenderaan barangan yang meninggalkan negara ini telah dinaikkan daripada RM100 kepada RM200 dalam Belanjawan 1996 yang lalu. Walau bagaimanapun, kenderaan yang membawa barangan yang tidak tahan lama telah diberikan pengecualian daripada peraturan ini. Bagi kenderaan bermuatan yang memasuki negara ini pula, levi sebanyak RM100 telahpun dikenakan.

Bagi mengurangkan pembayaran premium insuran ke luar negeri disebabkan oleh insurans semula, usaha-usaha tambahan telah diambil dalam Belanjawan 1996 untuk meningkatkan keupayaan bendungan industri insuran tempatan. Usaha-usaha ini termasuklah penubuhan Malaysian-Re International Insurance (Labuan) Berhad, yang telah memulakan operasi dalam bulan Februari 1996 di Pusat Kewangan Luar Pesisir Pantai Labuan, dengan modal dibenarkan sebanyak AS\$200 juta, untuk melaksanakan

insurans berisiko besar dan khusus di rantau ini. Di samping itu, Kerajaan telah meluluskan penubuhan tiga lagi syarikat insurans semula asing dalam tahun 1996, menjadikan jumlah keseluruhannya kepada enam buah sehingga September 1996.

Sektor-kecil perkhidmatan perjalanan, terutamanya pelancongan, telah memberikan sumbangan yang berkesan dalam mengatasi defisit dalam akaun perkhidmatan. Sektor-kecil ini telah menghasilkan pendapatan bersih untuk negara semenjak tahun 1990, berikutan dengan usaha-usaha yang giat dilakukan untuk menggalakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Dalam tahun 1995, sektor-kecil perkhidmatan ini menghasilkan pendapatan kasar sebanyak RM9.9 bilion dan pendapatan bersih sebanyak RM4.1 bilion berbanding dengan masing-masing sebanyak RM4.6 bilion dan RM0.6 bilion pada tahun 1990. Bagi menggalakkan kemasukan pelancong-pelancong asing serta pelancongan tempatan, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah menyediakan kemudahan-kemudahan pelancongan, termasuklah rumah-rumah rehat yang baru dan tempat penginapan berharga sederhana serta mempelbagaikan keluaran pelancongan. Penekanan turut diberikan untuk mewujudkan infrastruktur kebudayaan dan pusat-pusat seni budaya. Bagi menggalakkan seni budaya, pertunjukan pentas yang dianjurkan oleh kumpulan teater tempatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan telah diberi pengecualian cukai hiburan dalam Belanjawan 1996. Kerajaan-kerajaan negeri juga telah digesa untuk memberikan pengecualian yang sama. Di samping itu, Tabung yang berjumlah RM50 juta juga telah ditubuhkan untuk membiayai latihan serta pembelian kelengkapan untuk industri perfileman dan penyiaran. Sebagai langkah tambahan bagi menggalakkan pelancongan tempatan, cukai lapangan terbang untuk perjalanan antarabangsa telah dinaikkan daripada RM20 kepada RM40, berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996.

Pembayaran untuk pendidikan di luar negeri juga telah meningkat dari RM1.6 bilion pada tahun 1990 kepada RM2.0 bilion dalam tahun 1995. Bagi mengurangkan aliran keluar pertukaran asing daripada perbelanjaan pendidikan di luar negeri serta membantu negara memperoleh pertukaran asing dari perkhidmatan pendidikan, usaha-usaha sedang giat dilakukan untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan

bagi rantau ini. Dalam hal ini, beberapa pindaan telah dibuat dari aspek perundangan yang melibatkan pendidikan dalam tahun 1996. Ini termasuklah Akta Pendidikan 1996, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996, Akta Lembaga Akreditasi Negara, 1996 dan pindaan kepada Akta Kolej dan Universiti, 1971. Selaras dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau dan teknologi, Elaun Bangunan Perindustrian sebanyak 10% setahun telah disediakan dalam Belanjawan 1996 untuk perbelanjaan bagi bangunan dan asrama untuk kemudahan pendidikan, termasuk latihan vokasional dan teknik.

Infrastruktur bagi sektor perkhidmatan kewangan akan dimajukan lagi untuk meningkatkan kecekapan dan memudahkan proses pertumbuhan serta meningkatkan tahap daya saingnya. Bagi memperkukuhkan lagi tahap daya saing dalam institusi kewangan, sistem kawalan dua kumpulan yang diperkenalkan untuk bank-bank perdagangan dalam bulan Disember 1994 telah dilanjutkan kepada bank-bank saudagar dan syarikat-syarikat kewangan pada bulan Januari 1996. Kumpulan 1 syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar telah dibenarkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih meluas. Sistem kawalan dua kumpulan ini bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan institusi kewangan tempatan untuk bersaing memandangkan Malaysia sedang meliberalisasikan sektor kewangan selaras dengan komitmen negara di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Dalam Perkhidmatan (GATS).

Dalam bidang teknologi maklumat, Kerajaan akan membangunkan Koridor Raya Multimedia meliputi kawasan antara Kuala Lumpur dan Sepang, termasuk Putrajaya dan KLIA, dengan tujuan untuk menarik syarikat-syarikat multimedia yang berteknologi tinggi menempatkan operasi mereka di Malaysia, dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat untuk menyalurkan perkhidmatan mereka ke negara-negara lain di rantau ini. Pembangunan Koridor Raya Multimedia adalah selaras dengan usaha-usaha lain bagi meningkatkan pertumbuhan industri teknologi maklumat di Malaysia, seperti pembinaan Menara Kuala Lumpur, meningkatkan jaringan telekomunikasi negara, termasuk pelancaran Satelit Asia Timur Malaysia atau MEASAT 1 pada 13 Januari 1996.

Menggalakkan dan Menggembleng Tabungan

Bagi memastikan pertumbuhan mampan dapat dikekalkan tanpa terlalu bergantung kepada sumber luar dan pengeluaran rizab luar negeri, tahap tabungan negara perlu digembleng dan dipertingkatkan bagi membiayai pelaburan. Walaupun tahap tabungan negara kasar kekal tinggi pada tahun 1995 iaitu 36.5% daripada KNK, ianya tidak mencukupi untuk membiayai tahap pelaburan yang bersamaan dengan 45.5% daripada KNK. Ini menyebabkan jurang sumber sebanyak 9.0% daripada KNK dalam tahun 1995. Walaupun sebahagian besar daripada jurang tersebut dibiayai oleh aliran masuk bersih pelaburan asing langsung, namun pembiayaan jurang tersebut melalui pinjaman luar oleh sektor korporat masih tinggi, iaitu sebanyak RM4.4 bilion pada tahun 1995, hingga menyebabkan peningkatan beban bayaran khidmat hutang negara dari 5.0% daripada nilai eksport pada tahun 1994 kepada 6.2% dalam tahun 1995. Memandangkan pelaburan yang besar diperlukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh yang dianggarkan berjumlah RM536 bilion dan keperluan untuk terus mengurangkan pergantungan ke atas sumber pembiayaan asing, tabungan negara perlu digalakkan. Bagi mencapai tujuan tersebut, beberapa langkah telah diperkenalkan dalam Belanjawan 1996.

Salah satu daripada langkah-langkah tersebut ialah meningkatkan kadar caruman oleh pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 10% kepada 11%, berkuatkuasa mulai Januari 1996. Peningkatan satu peratusan ini dijangka akan menghasilkan tambahan sebanyak RM335 juta dalam tahun 1996. Walau bagaimanapun, kadar caruman oleh majikan kekal pada 12% setelah ditingkatkan dari 11% pada tahun 1993. Di samping itu, bagi menggalakkan sektor korporat menubuhkan tabung pencen sendiri bagi faedah pekerja-pekerja mereka, potongan maksimum yang dibenarkan dari cukai pendapatan majikan berkaitan caruman kepada KWSP dan skim-skim yang diluluskan telah ditingkatkan daripada 16% kepada 17%, berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996. Bagi menggalakkan simpanan bagi tujuan pendidikan dan kesihatan, pelepasan cukai diberikan ke atas caruman kepada tabung pencen yang diluluskan, dan premium ke atas insuran nyawa (atau Takaful) telah ditingkatkan sebanyak RM2,000 dari potongan maksimum sebanyak RM5,000. Pelepasan cukai ke atas pendapatan faedah yang diterima oleh individu

dari akaun simpanan dan deposit tetap dengan institusi kewangan juga diberikan untuk menggalakkan tabungan. Akaun yang layak untuk pelepasan cukai adalah simpanan berjumlah tidak melebihi dari RM100,000, deposit tetap yang kurang dari 12 bulan dan sehingga maksimum RM100,000 serta deposit tetap selama 12 bulan atau lebih. Pengecualian cukai ini juga meliputi pulangan daripada akaun-akaun simpanan dan pelaburan di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah.

Usaha utama yang telah diambil dalam tahun 1996 bagi menggalak dan menggembelng tabungan ialah pelancaran Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020). ASW 2020 adalah unit amanah baru yang berjumlah RM3 bilion diusahakan oleh Kerajaan dengan tujuan untuk memupuk tabiat menabung di kalangan generasi muda di samping mengumpulkan sumber untuk membiayai pembangunan ekonomi. Unit-unit ini ditawarkan kepada rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, berumur antara 12 hingga 29 tahun, bermula 2 September 1996. Dari jumlah tersebut, 51% atau RM1.53 bilion diperuntukkan untuk Bumiputra dan 49% atau RM1.47 bilion untuk bukan bumiputra. Pemohon-pemohon yang layak boleh memohon jumlah minimum sebanyak 100 unit atau maksimum 50,000 unit pada harga RM1 seunit.

Pada 15 Ogos 1996, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Galakan Tabungan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri/Menteri Kewangan. Kejayaan dalam meningkatkan tabungan negara memerlukan sokongan dan penglibatan semua peringkat masyarakat dan sektor. Kumpulan sasar dalam menggalakkan tabungan termasuklah pelajar, pekerja dan ahli-ahli masyarakat yang lain seperti surirumah dan golongan belia. Bidang rujukan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Galakan Tabungan adalah seperti berikut:

- (i) merangka strategi-strategi dan tindakan untuk menggalakkan tabungan di kalangan penduduk, sektor korporat dan sektor awam;
- (ii) menyelaras segala aktiviti berkaitan dengan penggalakkan tabungan pada peringkat kebangsaan; dan

- (iii) bertindak sebagai pelopor dalam menggalakkan kempen menabung diseluruh negara.

Dalam melaksanakan tugas ini, Jawatankuasa Kabinet tersebut dibantu oleh 4 jawatankuasa kecil dengan tanggungjawab yang khusus iaitu:

- (i) Jawatankuasa Kecil Kewangan, yang bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan dan memajukan produk-produk kewangan baru dan skim-skim pelaburan serta memperbaiki mekanisma yang sediaada bagi menggembelng tabungan dengan lebih berkesan;
- (ii) Jawatankuasa Kecil Pendidikan, yang bertanggungjawab untuk mengenalpasti pendekatan dan cara yang lebih berkesan dalam memupuk dan menggalakkan tabiat menabung di kalangan pelajar;
- (iii) Jawatankuasa Kecil Pekerja, yang bertanggungjawab untuk mengenalpasti dan menyelaras usaha bagi melibatkan penyertaan aktif di kalangan pekerja dalam meningkatkan tabungan negara; dan
- (iv) Jawatankuasa Kecil Maklumat, yang bertanggungjawab untuk menyelaras penyebaran maklumat berhubung dengan penggalakan tabungan, melalui media massa dan merancang pelancaran Hari Tabungan Kebangsaan.

Pada keseluruhannya, usaha-usaha yang diambil semenjak Belanjawan 1996 dijangka dapat meningkatkan tabungan negara daripada 36.5% daripada KNK pada tahun 1995 kepada 38.8% daripada KNK dalam tahun 1996. Dengan pelaburan dijangka stabil pada 45.1% daripada KNK dalam tahun 1996, kedudukan sumber negara dijangka dapat diperbaiki dan jurang tabungan-pelaburan berkurangan kepada 6.3% dalam tahun 1996 berbanding dengan defisit sebanyak 9.0% pada tahun 1995.

Memajukan Pasaran Modal

Jumlah tabungan yang perlu digembelng untuk membiayai pelaburan swasta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dijangka meningkat kepada RM385 bilion, peningkatan sebanyak 86% daripada RM207.4 bilion dalam tempoh Rancangan

Malaysia Keenam. Keperluan pembiayaan yang besar ini memerlukan tahap pengemblengan tabungan dengan cara yang lebih berkesan serta menyalurkan tabungan ini dengan lebih efektif untuk kegunaan yang lebih produktif. Oleh itu, sistem kewangan hendaklah memperhebatkan usaha dalam mengemblend sumber kewangan di samping kegiatan-kegiatan perantaraan. Pengguna dana akan terus berusaha memperoleh pembiayaan di luar sistem perbankan, dengan lebih bergantung kepada pasaran modal bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka. Oleh itu, langkah-langkah sedang diambil bagi memastikan pasaran modal berupaya meningkatkan tarikan pelaburan daripada isirumah dan juga institusi-institusi, termasuk pengurus dana asing dan tempatan. Dalam konteks ini, ketelusan pasaran melalui penyebaran maklumat secara berterusan oleh pemimpin-pemimpin korporat, syarikat dan pemegang saham yang besar amatlah penting. Sehubungan dengan ini, pewujudan produk baru seperti derivatif kewangan dan peningkatan penggunaan sekuriti hutang swasta akan terus digalakkan bagi menyediakan pelbagai peluang pelaburan kepada pelabur. Bagi membangunkan pasaran modal, langkah-langkah tambahan telah diusahakan dalam tahun 1996. Langkah-langkah ini termasuklah:

(i) Pembangunan Pasaran Bon

Bagi mencapai objektif pembangunan pasaran bon melalui pasaran sekuriti hutang swasta, satu sistem pemindahan dana dan sekuriti secara elektronik (SPEEDS) telah diwujudkan. Tindakan juga diambil bagi menghapuskan pertindihan fungsi di kalangan pihak berkuasa yang terlibat dengan pengeluaran bon. Sebagai langkah untuk menggalakkan pembangunan pasaran bon, faedah pendapatan dari bon khusus yang diterima oleh dana tertutup yang disenaraikan dan unit amanah telah dikecualikan dari cukai berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

(ii) Penubuhan Pasaran Kewangan Hadapan

Pindaan terhadap Akta Industri Niaga Hadapan, 1993 telah diluluskan bagi membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mengawal aktiviti-aktiviti dengan lebih berkesan dalam perniagaan pasaran

kewangan hadapan. Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur Berhad (KLOFFE) dan Bursa Kewangan Malaysia (MME) akan menubuhkan Pusat Penjelasan Derivatif Malaysia (MDCH) bagi membolehkan perdagangan dalam derivatif dapat dimulakan pada akhir tahun 1996. Selaras dengan usaha untuk memastikan kejayaan industri kewangan ini, pengecualian cukai pendapatan telah diluluskan bagi KLOFFE dan MME. MME telah memulakan operasinya dan melancarkan kadar faedah matang tiga bulan Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) pada 28 Mei 1996.

(iii) Penubuhan Lembaga Standard Perakaunan Malaysia

Bagi memastikan tahap laporan kewangan dalam sektor korporat lebih tinggi dan terbuka, Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Standard Perakaunan Malaysia akan ditubuhkan bagi merangka perakaunan bermutu dan mengenalpasti bidang yang perlu dikenakan peraturan dan penguatkuasaan.

(iv) Perubahan dari Peraturan Berasaskan Merit kepada Peraturan Keterbukaan untuk Tawaran Awam Peringkat Pertama (IPOs)

Peralihan dari peraturan berasaskan sistem merit kepada sistem peraturan keterbukaan akan dilaksanakan berasaskan pendekatan 3 fasa selama 5 tahun. Ini bertujuan untuk memupuk pasaran yang lebih daya saing dan telus serta mempunyai piawaian keterbukaan dan tanggungjawab korporat yang tinggi. Peralihan ini akan membolehkan pelabur-pelabur Malaysia mengambil pendirian yang lebih profesional dalam membuat keputusan untuk melabur serta memastikan perantara-perantara kewangan seperti bank saudagar dan penaja jamin mengambil peranan yang lebih berkesan dalam memastikan perjalanan pasaran yang lebih adil. Fasa pertama peralihan kepada peraturan keterbukaan telah bermula pada bulan Januari 1996, dengan Suruhanjaya Sekuriti memberi kelonggaran kepada

syarikat pengeluar terbitan dan penaja jamin menentukan harga terbitan IPO berbanding dengan peraturan sebelum ini di mana harga ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(v) **Penyenaraian Syarikat-syarikat Projek Infrastruktur (IPC)**

Bagi memudahkan pembiayaan bagi pembangunan infrastruktur melalui pasaran modal, syarikat-syarikat gabungan atau usaha sama infrastruktur Malaysia dengan lesen atau konsesi minimum 18 tahun adalah layak untuk memohon disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tanpa perlu memenuhi syarat-syarat prestasi rekod yang biasa dikenakan. Powertek Bhd. adalah syarikat pertama yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk disenaraikan di BSKL di bawah peraturan penyenaraian IPC.

(vi) **Pinjaman dan Pemberian Pinjaman Sekuriti dan Peraturan Jualan Singkat**

Bagi memperbaiki kecekapan sistem penjelasan bagi pasaran sekuriti dan memudahkan pembangunan pasaran kewangan derivatif, garis panduan telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti mengenai Sekuriti Pinjaman dan Pemberian Pinjaman. Selaras dengan ini, peraturan bagi membenarkan jualan jangka pendek (Peraturan 22) telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan dilaksanakan melalui peraturan BSKL pada 30 September, 1996.

(vii) **Pindaan terhadap Keperluan Penyenaraian**

Pindaan-pindaan berikut telah dibuat kepada Keperluan Penyenaraian BSKL bagi memperbaiki peraturan dan ketelusan pasaran:

- (a) Pemegang-pemegang saham majoriti syarikat yang ingin membuat penyenaraian boleh memilih untuk mematuhi syarat-syarat moratorium bagi saham-saham mereka atau mereka boleh memilih untuk mengeluarkan jaminan keuntungan ; dan

(b) Mulai 1 Januari 1996, keperluan modal berbayar telah dipinda seperti berikut:

- (i) Syarikat di Papan Utama jumlah minimum RM40 juta (sebelum ini RM20 juta); dan
- (ii) Syarikat di Papan Kedua - jumlah minimum ialah RM10 juta, tetapi kurang daripada RM40 juta (sebelum ini, minimum ialah RM5 juta tetapi kurang daripada RM20 juta).

Satu lagi langkah untuk membangunkan pasaran modal dan untuk mempromosi Kuala Lumpur sebagai satu pusat kewangan serantau, Menteri Kewangan telah mengumumkan, pada 8 Ogos 1996, bahawa syarikat asing akan dibenarkan untuk disenarai di dalam BSKL. Fasa pertama ke arah ini melibatkan pemberian kebenaran kepada syarikat asing yang mempunyai sebahagian besar aset atau operasi dan dimiliki atau dikawal oleh rakyat Malaysia untuk disenaraikan pada papan utama. Selain itu, penyenaraian syarikat-syarikat ini mestilah bukan penyenaraian utama atau syarikat-syarikat ini telahpun disenaraikan di tempat lain tetapi berminat untuk memindahkan penyenaraian utama ke BSKL. Saham akan diniagakan dalam sebutan ringgit. Bagi meliberalisasikan lagi pasaran, skop syarikat asing yang layak disenaraikan akan diperluaskan, pada masa yang sesuai, sehingga melebihi daripada apa yang dibenarkan dalam fasa pertama.

Mengawal Tekanan Inflasi

Mengawal tekanan inflasi menjadi agenda penting dalam pengurusan ekonomi makro pada tahun 1996. Untuk terus mengawal inflasi, fokus utama dasar ialah membendung lebih permintaan agregat, meningkatkan bekalan makanan kerana makanan adalah penyumbang utama kepada kenaikan keseluruhan Indeks Harga Pengguna (IHP), membendung inflasi aset di samping menurunkan kos menjalankan perniagaan.

Untuk membendung lebih permintaan agregat, dasar kewangan diperketatkan lagi dalam tahun 1996. Keperluan untuk mengetatkan dasar kewangan dalam separuh pertama tahun 1996 disebabkan oleh pertumbuhan ketara bekalan wang yang melebihi pertumbuhan nilai keluaran negara. Pada akhir Mac 1996, pertumbuhan bekalan wang, M3, meningkat pesat pada kadar tahunan 27%, sementara kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pada harga semasa, kurang daripada 15%. Pertumbuhan bekalan wang yang tinggi berpunca sebahagiannya kerana pengembangan kredit yang ketara oleh sistem perbankan kepada sektor swasta, terutama untuk penggunaan. Pinjaman yang berlebihan untuk penggunaan membimbangkan, memandangkan kenaikan kadar inflasi daripada 3.2% pada bulan Mac kepada 3.8% pada bulan Jun 1996, dan, pada masa yang sama, tabungan perlu ditingkatkan bagi mengurangkan jurang sumber negara. Ini menyebabkan paras mudahtunai dalam ekonomi dikawal secara aktif oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memastikan kestabilan harga di samping menggalakkan tabungan. Ini dilakukan dengan melalui instrumen secara langsung dan tidak langsung termasuk menerima deposit pasaran antara bank, memusatkan dana berlebihan Kerajaan dan KWSP dengan BNM serta menaikkan Keperluan Rizab Berkanun (SRR). SRR bagi institusi bank telah dinaikkan sebanyak satu angka peratusan daripada 11.5% kepada 12.5% pada 1 Februari 1996 dan diikuti pula oleh satu angka peratusan lagi kepada 13.5% pada 1 Jun 1996. Hasil daripada peningkatan SRR ini, RM5.4 bilion daripada jumlah mudahtunai telah diserap oleh BNM. Mencerminkan kesan dasar kewangan yang ketat yang dilaksanakan oleh BNM, kadar faedah meningkat lebih tinggi dalam lapan bulan pertama tahun 1996, berbanding pada tahun 1995. Manakala, pertumbuhan bekalan wang, M3, pada akhir Ogos 1996 telah menurun daripada kemuncaknya yang berlaku pada akhir April 1996. Pertambahan kredit oleh sistem perbankan kepada sektor swasta juga telah menurun daripada 30.1% pada akhir April 1996 kepada 27.5% pada akhir Ogos 1996.

Langkah-langkah khusus juga telah diperkenalkan dalam Belanjawan tahun 1996 untuk mengawal tekanan inflasi melalui pengurusan permintaan agregat. Ini termasuk meningkatkan had minimum pembayaran kad kredit kepada 15%

daripada baki bulanan untuk menghindarkan penggunaan berlebihan. Peraturan ini dikenakan memandangkan kenaikan pesat dalam penggunaan kad kredit. Jumlah pemegang kad kredit meningkat dengan ketara daripada 700,000 pada tahun 1990 kepada 1.6 juta pada akhir bulan Jun 1995, dengan jumlah baki belum dibayar sebanyak RM2.5 bilion.

Selain daripada menangani permintaan agregat, usaha-usaha meningkatkan bekalan barangan pengguna telah dimulakan bagi mengurangkan tekanan inflasi, terutamanya makanan. Berikutan dengan kekurangan bekalan makanan yang berpunca daripada pengurangan kawasan untuk tanaman makanan, saiz tanah ditanami yang tidak ekonomik dan pertambahan eksport makanan, harga makanan telah meningkat pada kadar yang lebih pesat daripada harga barangan pengguna yang lain. IHP bagi makanan telah meningkat sebanyak 5.7% dalam sembilan bulan pertama tahun 1996, sementara IHP bagi kategori-kategori lain tidak melebihi paras 3.6%. Justeru itu, lebih daripada 50% kenaikan IHP berpunca daripada peningkatan harga makanan. Untuk mengurangkan tekanan harga makanan, bekalan makanan telah dipertingkatkan. Langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan bekalan makanan termasuklah menubuhkan Tabung Makanan yang menyediakan pembiayaan pengeluaran makanan pada kadar faedah yang rendah, melonggarkan pengimportan barang makanan dan menghapuskan duti import ke atas pelbagai jenis makanan import. Pada tahun 1996, sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan untuk Tabung Makanan, menjadikan jumlah yang boleh digunakan untuk membiayai pengeluaran makanan kepada RM600 juta. Sebagai insentif tambahan bagi menggalakkan pengeluaran makanan, kelayakan untuk mendapat Elaun Pelaburan Semula telah diperluaskan meliputi pengeluaran makanan asas seperti beras, bijirin, sayur-sayuran, ubi, ternakan dan ternakair. Sebelum pengumuman pengluasan insentif ini dalam Belanjawan 1996, insentif Elaun Pelaburan Semula hanya dinikmati oleh sektor perkilangan sahaja. Pengluasan pemberian elaun ini adalah untuk menggalakkan estet-estet besar melibatkan diri dalam pengeluaran makanan.

Langkah untuk mengawal inflasi juga melibatkan penghapusan duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah, komponen dan peralatan yang

digunakan oleh pengeluar yang telah diumumkan dalam Belanjawan 1996 dengan tujuan mengurangkan kos pengeluaran. Penghapusan ini melibatkan sebanyak 800 barangan yang terdiri daripada bahan-bahan penyediaan makanan daripada buah-buahan, bahan mentah untuk barangan plastik, besi dan keluli dan berbagai barangan motor elektrik dan jenerator. Selain itu, duti import ke atas lebih 700 barangan yang telah diberi perlindungan tarif melebihi daripada sepuluh tahun telah diturunkan. Penghapusan dan penurunan duti import ini di samping menolong membendung inflasi dengan menurunkan kos pengeluaran, juga bertujuan untuk memperbaiki kecekapan dan daya saing di kalangan pengeluar, menambah bekalan dalam pasaran tempatan serta mengesahkan komitmen Malaysia untuk melonggarkan peraturan perdagangan di kalangan negara-negara anggota Pertubuhan Perdagangan Dunia dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Satu lagi isu yang ditangani dalam Belanjawan 1996 ialah inflasi aset. Harga hartanah telah meningkat dengan ketara semenjak kebelakangan ini, kesan dari kenaikan pendapatan bolehguna, pembelian hartanah oleh kepentingan asing dan kegiatan-kegiatan spekulasi aset. Oleh itu, langkah-langkah tertentu diperkenalkan dalam Belanjawan 1996 untuk membendung inflasi aset memandangkan peningkatan harga hartanah akan menghalang pencapaian objektif untuk menyediakan rumah yang mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Berikutan daripada ini, pihak berkuasa negeri berkenaan diminta mengenakan levi sebanyak RM100,000 ke atas setiap pembelian hartanah oleh kepentingan asing. Langkah ini merupakan tambahan kepada garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing terhadap perolehan hartanah oleh orang asing yang telah diketatkan lagi dengan menghadkan pembelian rumah kepada unit-unit yang melebihi RM250,000 sahaja. Bagi mencegah spekulasi hartanah, kadar cukai keuntungan hartanah telah dinaikkan daripada 20% kepada 30% bagi penjualan di dalam tempoh dua tahun selepas pembelian. Kadar cukai bagi penjualan di dalam tempoh tiga tahun selepas pembelian telah dinaikkan daripada 15% kepada 20% dan dalam tempoh tahun keempat daripada 10% kepada 15%. Penjualan sebarang hartanah oleh bukan warganegara akan dikenakan kadar cukai sebanyak 30%.

Peningkatan Ketrampilan Sumber Manusia dan Kemampuan Teknologi

Berikutan dengan kekurangan buruh serta keadaan yang lebih terbuka dari segi perdagangan dunia dan kemajuan teknologi yang pesat, Malaysia harus melaksanakan penyesuaian strategik bagi memastikan pembangunan negara terus pesat dan mempunyai kemampuan untuk bersaing di dalam persekitaran yang senantiasa berubah. Malaysia tidak mampu bersaing dengan bergantung kepada buruh asing yang murah memandangkan jumlah buruh asing yang besar yang boleh memberi tekanan terhadap keperluan kemudahan-kemudahan sosial serta kemungkinan masalah-masalah lain yang akan timbul. Sekiranya sektor perindustrian negara dibenar untuk terus mengimport buruh yang murah dan kurang mahir, Malaysia akan terperangkap dengan struktur industri yang berintensif buruh serta daya pengeluaran yang rendah. Bagi menggalakkan sektor industri untuk mempercepatkan penyesuaian strategik kepada proses pengeluaran yang lebih cekap dan berintensif teknologi, levi terhadap buruh asing kurang mahir telah dinaikkan pada tahun 1996 daripada RM420 kepada RM840 setahun, dan levi bagi buruh separa mahir daripada RM600 kepada RM1,200 setahun, kecuali untuk pekerja pembantu rumah dan pekerja kurang mahir di sektor perladangan.

Struktur industri yang berintensif teknologi tinggi memerlukan tenaga buruh yang berkemahiran teknikal dan berkeupayaan menyerap, menyesuaikan serta membangunkan proses-proses pengeluaran dan teknologi baru, disamping mempunyai nilai-nilai industri yang diperlukan untuk mengekalkan sebuah firma yang produktif dan berdaya saing. Dengan ini, adalah perlu untuk meningkatkan serta mempergiatkan lagi pembangunan sumber manusia. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kapasiti institusi-institusi latihan dan pendidikan yang sedia ada akan ditambah sementara institusi-institusi baru akan diwujudkan, khususnya di dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknikal. Di dalam Belanjawan 1996, sebanyak RM11.8 bilion telah diperuntukan untuk pendidikan dan latihan bagi membolehkan institusi-institusi pendidikan dan latihan mengambil lebih ramai penuntut untuk menambahkan lagi bilangan jurutenik dan jurutera. Badan-badan Kerajaan seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan PETRONAS telah diminta melipatgandakan usaha untuk melatih lebih ramai pekerja mahir. Di samping itu, pengajian

jarak jauh telahpun diperkenalkan di semua institusi-institusi pengajian tinggi pada tahun akademik 1996. Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam bidang pendidikan dan latihan, insentif elaun pelaburan sebanyak 10% setahun telah disediakan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996. Tuntutan bagi elaun ini boleh dibuat dalam tempoh sepuluh tahun bagi semua perbelanjaan ke atas bangunan dan asrama yang disediakan untuk tujuan pendidikan, termasuk latihan teknikal dan vokasional. Di samping itu, syarikat-syarikat yang menyediakan latihan bersesuaian kepada para pekerja baru layak mendapat potongan cukai ke atas perbelanjaan yang dibuat bagi tujuan menyediakan dan melatih pekerja, sebelum sesebuah syarikat itu memulakan perniagaan.

Bagi meningkatkan tahap daya saing negara di pasaran dunia, langkah-langkah berkesan terus diambil bagi memajukan lagi tahap teknologi dan keupayaan P&P supaya Malaysia melonjak ke hadapan dari segi penciptaan keluaran dan proses pengeluaran, berkemampuan merekabentuk dan menghasilkan kelengkapan peralatan tulen, dan melaksanakan kegiatan-kegiatan pengagihan dan pemasaran di peringkat antarabangsa. Ini akan membolehkan syarikat-syarikat Malaysia meningkatkan nilai rantai dalam proses perkilangan mereka dan akhirnya menjadi syarikat perkilangan dan pemasaran yang bersepadu. Di samping menggalakkan syarikat-syarikat swasta menjalankan kegiatan-kegiatan P&P, Kerajaan akan memainkan peranan aktif dalam pembangunan teknologi baru dan terpenting yang boleh mendatangkan pulangan ekonomi yang tinggi. Lima bidang teknologi telah dikenalpasti bagi tujuan membentuk kemahiran dan daya rekacipta yang tinggi serta memajukan bidang-bidang khusus dan strategik di kalangan industri-industri tempatan. Bidang-bidang tersebut ialah teknologi perkilangan berautomatik, 'advanced materials', bioteknologi, elektronik dan teknologi maklumat. Kemampuan yang tinggi di dalam kelima-lima bidang teknologi ini akan meransangkan lagi usaha ke arah memperdalam dan meluaskan lagi asas dan daya teknologi yang begitu penting bagi mengekalkan daya saing Malaysia di pasaran antarabangsa yang mengalami kemajuan teknologi yang begitu pesat.

Dalam Belanjawan 1996, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM471 juta bagi memajukan lagi bidang sains dan teknologi, khususnya kegiatan-kegiatan P&P. Di samping

itu, sejumlah RM200 juta telah disediakan bagi program Bidang Keutamaan Penyelidikan Intensif (IRPA), manakala sistem penyelidikan secara kontrak telahpun diperkenalkan bagi menggalakkan kegiatan P&P yang berasaskan pelanggan dan mengukuhkan lagi rantai di kalangan institusi-institusi sektor awam dan industri. Pengkorporatan Institut Standard dan Penyelidikan Industri Malaysia (SIRIM) pada bulan September 1996 dan Institut Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) menjelang akhir tahun 1996 sudah pasti akan dapat melahirkan kegiatan-kegiatan P&P yang lebih berorientasikan pasaran. Mulai tahun taksiran 1996, insentif potongan cukai duakali diberikan ke atas perbelanjaan oleh syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan-kegiatan P&P di institusi-institusi penyelidikan yang diluluskan. Industri fabrikasi wafer sedang dilaksanakan bagi mengangkat Malaysia ke arah pembangunan teknologi industri elektronik yang unggul. Industri ini akan meningkatkan kemahiran mengenai penyelenggaraan alat-alat robotik yang canggih, menggalakkan P&P di dalam bidang rekabentuk dan fabrikasi wafer serta meningkatkan rantai dengan industri-industri sokongan. Dalam hal ini, Kerajaan, melalui Belanjawan 1996, telah menunjukkan kesediaannya untuk memberikan beberapa konsesi kepada pelabur-pelabur yang berminat dalam industri tersebut, termasuklah:

- (i) taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan bagi tempoh 10 tahun atau lebih;
- (ii) peruntukan khas bagi melatih ahli-ahli sains dan jurutera Malaysia;
- (iii) menyediakan keperluan-keperluan khas seperti bekalan elektrik tanpa gangguan, air yang bersih, kemudahan penyimpanan buangan toksid dan pembinaan stesen-kecil elektrik;
- (iv) pengambilan jurutera-jurutera dan ahli-ahli sains dari luar negeri; dan
- (v) insentif-insentif fiskal yang lain.

Pelaksanaan Belanjawan Berhemat

Teras menyeluruh dasar fiskal dan operasi belanjawan pada tahun 1996 ditumpukan kepada belanjawan berhemat dan pengukuhan fiskal. Perbelanjaan berhemat berserta dengan dasar

kewangan yang ketat bagi membendung tekanan harga, bukan sahaja telah membantu pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dengan harga dan imbalan luar yang lebih stabil, tetapi juga menyumbang kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang terus kukuh bagi tahun keempat berturut-turut pada tahun 1996. Prestasi hasil Kerajaan terus bertambah baik berikutan terimaan yang lebih besar daripada cukai pendapatan, walaupun kadar kebanyakan cukai terus dikurangkan. Sebaliknya, pertambahan kedua-dua perbelanjaan mengurus dan pembangunan adalah pada tahap yang paling rendah, kecuali pertambahan emolumen, pencen dan ganjaran berikutan pelarasan gaji yang baru dilaksanakan.

Dasar percukaian bertujuan mempercepatkan pertumbuhan berteraskan peningkatan produktiviti, mengukuhkan sektor perkhidmatan, membendung inflasi, menggalakkan tabungan, mempercepatkan pembangunan teknologi dan memupuk pembentukan sebuah masyarakat penyayang. Bagi membantu mempercepatkan peningkatan produktiviti, cukai pendapatan ke atas pendapatan individu telah dikurangkan selaras dengan cukai pendapatan syarikat. Di samping itu, pembangunan sumber manusia digalakkan sementara langkah-langkah fiskal telah diperkenalkan bagi menggalakkan sektor industri berubah ke arah proses pengeluaran berasaskan teknologi yang lebih cekap. Insentif cukai juga disediakan bagi mengukuhkan sektor perkhidmatan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi serta mengeksport perkhidmatan dan menggantikan perkhidmatan yang diimport. Sektor-kecil di bawah sektor perkhidmatan yang telah diberi perhatian utama ialah sektor kecil perhubungan, kemudahan awam dan pengangkutan, pelajaran, perkhidmatan pelabuhan dan insurans. Bagi membendung inflasi, langkah-langkah percukaian telah diperkenalkan untuk menggalakkan tabungan, mengurangkan penggunaan berlebihan dan spekulasi harta. Galakan cukai khas telah ditawarkan kepada industri fabrikasi wafer sebagai saluran utama untuk Malaysia melangkah ke tahap teknologi yang lebih tinggi. Bagi membangunkan teknologi maklumat, elaun modal berhubung dengan perbelanjaan ke atas komputer dan peralatan teknologi maklumat yang lain telah dibenarkan sebagai potongan untuk pengiraan cukai pendapatan. Cukai jualan ke atas komputer dan perisian telah dimansuhkan bagi menggalakkan celik komputer di kalangan penduduk Malaysia.

Bagi memupuk pembentukan masyarakat penyayang, pelepasan cukai yang lebih tinggi telah disediakan untuk menggalakkan jagaan golongan cacat, ibubapa yang lanjut usia dan wargatua.

Dari segi perbelanjaan, Kerajaan Persekutuan melaksanakan kawalan ketat ke atas perbelanjaan mengurus, kecuali bagi perkhidmatan-perkhidmatan penting seperti pelajaran dan kesihatan. Dalam hal ini, inisiatif seterusnya telah dibuat bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan produktiviti sektor awam dan mengurangkan pembaziran. Dalam masa yang sama, Kerajaan melaksanakan pengurusan hutang luar negeri yang berhemat dengan menghadkan pinjaman luar negeri dan mewujudkan lebih belanjawan keseluruhan untuk mengelakkan pinjaman luar bagi memenuhi keperluan pembiayaan pada masa depan. Bagi perbelanjaan pembangunan pula, teras peruntukan belanjawan ialah untuk membangunkan sumber manusia negara, mengukuhkan asas sains dan teknologi, membangunkan rumah-rumah kos rendah untuk golongan miskin, memperelokkan kemudahan asas di kawasan luar bandar dan membasmi kemiskinan. Perhatian yang berterusan telah diberi bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir dan teknikal dengan menyediakan peruntukan yang paling besar untuk pendidikan dan latihan dalam Belanjawan 1996.

Meneruskan Agenda Pembangunan Sosial

Pembangunan dan kemajuan sosial merupakan perkara penting dalam agenda pembangunan negara pada tahun 1996. Isu-isu yang berhubung dengan pembangunan luar bandar, pembasmian kemiskinan, kesukaran yang dihadapi oleh golongan yang kurang bernasib baik, dadah dan alam sekitar telah diberi perhatian. Bagi memastikan pembangunan yang seimbang serta meluaskan potensi pengeluaran dan taraf hidup masyarakat luar bandar, keutamaan yang lebih telah diberikan kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan sosial di luar bandar. Bagi maksud ini, 11% daripada Belanjawan 1996 telah diperuntukkan untuk penyenggaraan dan pembangunan jalan luar bandar, bekalan air, bekalan elektrik dan klinik. Bagi memupuk pembangunan masyarakat penyayang dan adil, program bertujuan menghapuskan kemiskinan dan membantu golongan kurang bernasib baik, termasuk orang-orang cacat, telah diberikan

peruntukan tambahan berjumlah RM549 juta. Bagi menyediakan perumahan untuk golongan miskin, sejumlah RM 1 billion telah disediakan untuk Tabung Perumahan Kos Rendah. Bagi mencerminkan kesungguhan Kerajaan kepada perlindungan alam sekitar, peruntukan juga telah disediakan untuk mencegah pencemaran dan hakisan tanah dan juga pembaikan sistem saliran bagi mengelakkan banjir. Sebagai tambahan, insentif fiskal dalam bentuk elaun modal berkaitan dengan perbelanjaan ke atas peralatan pemeliharaan alam sekitar dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan cukai pendapatan bagi tempoh tiga tahun.

Perubahan pesat Malaysia ke arah negara industri yang lebih terbuka dan moden telah meninggalkan kesan ke atas sosial dan nilai-nilai kekeluargaan, samada positif atau negatif, dan pada masa yang sama menimbulkan ketegangan dan tekanan berkaitan gaya hidup moden. Isu yang semakin diberi perhatian ialah kesan negatif daripada perubahan ini ke atas kestabilan sosial yang telah membawa kepada berbagai masalah sosial seperti perpecahan unit kekeluargaan, penagihan dadah dan arak, perjudian, AIDS, penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi baru lahir. Untuk mengatasi masalah-masalah sosial ini, satu Jawatankuasa Kabinet Untuk Membentaras Masalah-Masalah Sosial, dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, telah ditubuhkan pada Mac 1996. Tujuan Jawatankuasa ini adalah untuk mengenalpasti sejauh mana dan punca kepada masalah-masalah sosial ini; dan merangka dasar dan strategi untuk mengatasi masalah-masalah yang telah dikenalpasti. Selain daripada itu, satu Pelan Tindakan Pembangunan Keluarga Negara telah dibentuk bagi menyediakan garis panduan kepada sektor-sektor awam dan swasta, termasuk pertumbuhan bukan Kerajaan supaya mengambilkira unsur-unsur kekeluargaan di dalam setiap perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan sosio-ekonomi mereka. Tujuan Rancangan ini ialah untuk membangunkan institusi kekeluargaan sebagai asas kepada pembentukan masyarakat yang lebih bertanggungjawab. Di dalam Belanjawan 1996, sejumlah RM49.7 juta telah diperuntukkan untuk program pembangunan

keluarga dan masyarakat. Tindakan-tindakan lain yang telah diambil termasuk promosi program Rakan Muda untuk menggalakkan golongan belia ke arah bidang yang mereka minati, samada dalam sains, teknologi, sukan atau budaya. Menerusi program ini, adalah diharapkan golongan belia akan didedahkan kepada pengaruh positif dan pada masa yang sama, cenderung kepada nilai-nilai budaya yang akan membebaskan mereka daripada pengaruh negatif seperti dadah, ketagihan arak, judi dan lain-lain keburukan.

Kesimpulan

Pendekatan pengurusan ekonomi makro, yang bertujuan mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi tempoh jangka sederhana dan panjang dengan kestabilan harga dan pembaikan imbalan luaran, telah menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar yang lebih mampan sebanyak 8.2% dalam tahun 1996. Pertumbuhan ekonomi ini telah diiringi oleh inflasi yang rendah dan defisit akaun semasa imbalan pembayaran yang mengecil. Pada masa yang sama, kedudukan belanjawan keseluruhan Kerajaan Persekutuan terus mencatatkan lebihan bagi empat tahun berturut-turut sejak 1993, sementara kedudukan sumber negara bertambah baik. Secara keseluruhannya, asas ekonomi terus bertambah kukuh.

Walau bagaimanapun, cabaran pengurusan ekonomi makro dalam tahun-tahun mendatang ialah untuk mengekalkan asas ekonomi yang kukuh dan melaksanakan perubahan strategik dari pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti. Daya saing sektor eksport akan terus ditingkatkan melalui peningkatan nilai rantai proses perindustrian. Pada masa yang sama, sektor perkhidmatan akan dimajukan untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan sumber pertukaran asing yang dinamis. Dalam hal ini, dasar yang pragmatik dan sempurna tujuannya akan diteruskan supaya pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan dalam jangka sederhana dan panjang bagi mencapai objektif Rancangan Malaysia Ketujuh dan wawasan negara menjelang 2020.